

Tafsiran Eksistensialisme Terhadap Makna Kewujudan Manusia: Analisis Kritis Muhammad Sa`id Ramdan Al-Buti

An Existentialist Interpretation of The Meaning of Human Existence: A Critical Analysis of Muhammad Sa`id Ramdan Al-Buti

Azmil Zainal Abidin

Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.

50603 Kuala Lumpur. Malaysia

hadiqah_irfan@um.edu.my

<https://doi.org/10.22452/usuluddin.vol51no1.1>

Abstract

Philosophical discussions have attempted to understand the human identity through various interpretations. After the First and Second World Wars, existentialism that focussed on aspects of the human existence as a central theme of philosophy emerged. Man is 'thrown' into this world and is 'punished' in order to be free. Aguish and death foreshadow man who is forced to create meaning and purpose in life. Freedom is considered the 'essence' of human beings who have responsibilities thus are required to make decisions based on freedom of choices. This article identified the main premise of existentialism in interpreting the meaning of human existence. The article also evaluated the interpretation based on Muhammad Sa`id Ramdan al-Buti's perspective through a critical analysis. The writing was based on literature research through the documentation method in collecting data related to the research question and the data analysis method, which is a process to detect the form of data in order to make interpretations. The understanding of existentialism was found to be more dominated by philosophical and psychological speculation due to the experiences of modern human suffering. From the epistemological aspect, it also influenced the metaphysical and axiological ontological perspectives that led to the concept of absolute human freedom in thinking and actions.

Keywords: Existentialism, the meaning of human existence, freedom, al-Buti

Abstrak

Sepanjang diskusi falsafah, identiti manusia cuba difahami melalui interpretasi yang pelbagai. Akibat Perang Dunia Pertama dan Kedua, muncul faham eksistensialisme yang menumpukan aspek wujud manusia

sebagai tema sentral falsafah. Manusia dianggap ‘terhumban’ ke dunia dan ‘dihukum’ untuk bebas. Kegelisahan dan kematian yang membayangi manusia memaksanya mencipta makna dan tujuan hidup. Justeru, kebebasan dianggap ‘inti pati’ manusia kerana ia bertanggungjawab dan sentiasa dituntut untuk membuat keputusan berdasarkan pilihan yang bebas. Artikel ini cuba mengenal pasti premis utama eksistensialisme dalam menafsirkan makna kewujudan manusia. Artikel juga cuba menilai tafsiran tersebut berdasarkan perspektif Sa`id Ramadan al-Buti secara analisis kritis. Penulisan ini berasaskan kajian kepustakaan menerusi metode dokumentasi dalam mengumpulkan data berkaitan persoalan yang dikaji dan metode analisis data iaitu proses mengesan bentuk data yang telah dikumpul untuk melakukan interpretasi. Hasil mendapati bahawa faham eksistensialisme lebih didominasi oleh spekulasi falsafah dan psikologis akibat pengalaman derita manusia moden. Bertolak dari aspek epistemologi, ia mempengaruhi pula perspektif ontologi metafizik dan aksiologi yang menjurus kepada konsep kebebasan mutlak manusia dalam berfikir dan bertindak.

Kata kunci: Eksistensialisme, makna kewujudan manusia, kebebasan, al-Buti

Pendahuluan

Eksistensialisme ialah aliran falsafah moden yang beraspirasikan pemartabatan nilai manusia dan keunggulannya dalam kehidupan. Manusia ibarat paksi utama kewujudan. Berlatarkan kekecewaan terhadap ketidakstabilan dunia akibat Perang Dunia Pertama dan Kedua, fahaman ini menganjurkan kebebasan manusia dalam berfikir dan bertindak tanpa sebarang kongkongan.¹ Pelopor awalnya adalah Soren Kierkegaard (1813-1855) dan diikuti oleh Karl Jaspers (1883-1969), Gabriel Marcel (1889-1973), Martin Heidegger (1889-1976), Jean-Paul Sartre (1905-1980), Simone de Beauvoir (1908-1986) serta Albert Camus (1913-1960). Selain itu, Fredrich Nietzsche (1844-1900) turut dikaitkan dengan aliran ini walaupun secara lebih tepat beliau mewakili fahaman nihilisme.² Penulisan ini cuba mengenal pasti prinsip utama eksistensialisme

¹ Bassam Dawud & Fatima Mardini, *Adwa' hawl Tayyarat Mu`asirah* (Dimashq: Dar al-'Asma', 2011), 44.

² Nihilisme (*'adamiyyah*) adalah kecenderungan dalam falsafah akhlak dan politik yang berasaskan penafian dan keingkanan terhadap hakikat yang tetap secara mutlak, bahkan nilai akhlak adalah dianggap khayalan semata-mata sebagaimana pandangan Friedrich Nietzsche. Lihat Majma` al-Lughah al-'Arabiyyah, *al-Mu'jam al-falsafiyy* (Kaherah: al-Hay'ah al-'Ammah li Shu'un al-Matabi` al-Amiriyyah, 1979), 118.

dalam menafsirkan makna kewujudan manusia, seterusnya meninjau analisis kritis al-Marhum Muhammad Sa`id Ramadan al-Buti yang mewakili perspektif Pemikiran Islam terhadapnya.

Eksistensialisme Sebagai Wacana Kemanusiaan

Eksistensialisme mengkaji kelahiran, kehidupan dan kematian manusia yang ‘sebatang kara’. Kewujudan manusia mendahului pemikiran, perasaan dan etika dirinya. Fahaman ini menonjolkan keautentikan diri manusia yang berbeza dengan seisi alam lainnya.³ Ia menekankan makna kewujudan, kebebasan dan tindak balas kreatif manusia terhadap kehidupan.⁴ Manusialah yang mencipta makna kehidupan dengan haluan pilihannya sendirian tanpa kongkongan sesiapa.⁵

Eksistensialisme adalah pemberontakan terhadap beberapa ciri falsafah Yunani klasik dan masyarakat moden, khususnya ‘pandangan alam’⁶ Plato (atau Platae) (427 BC-348 BC) dan Georg Wilhelm Friedrich Hegel (1770-1831). Ia juga berupa protes atas nama individu terhadap konsep “sebab” dan “alam semula jadi” yang mendominasi Zaman Pencerahan abad ke-18. Ia turut membantah era industri moden dan masyarakatnya yang cenderung memperalatkan individu sebagai perkakas bagi mesin, jentera dan komputer. Eksistensialisme tampil memprotes gerakan totalitarien, aliran fasis, komunis dan sebagainya yang cenderung ‘melenyapkan’ kapasiti individu dalam masyarakat kolektif. Usaha

³ Tom Jackson, *Philosophy: An illustrated history of thought* (New York: Shelter Harbor Press, 2014), 122.

⁴ Mel Thompson, *Teach yourself philosophy* (London: Hodder & Stoughton Ltd., 2003), 184.

⁵ Barry Loewer, *30-Second philosophies* (East Sussex: Ivy Press, 2009), 142.

⁶ Menurut Hamid Fahmy Zarkasyi, ‘worldview’ Islam bererti ‘pandangan Islam tentang wujud’ (*ru'yat al-Islami li al-wujud*). Beliau menghujahkan bahawa makna ‘pandangan alam’ dalam konteks Islam lebih luas berbanding istilah “worldview” yang dilihat lebih umum dan terbatas pada pengertian ideologis sekular, kepercayaan animistik, atau sehimpunan doktrin teologis yang bervisi keduniaan. Bahkan, spektrum ‘pandangan alam Islam’ menjangkau realiti dunia dan akhirat. Penisbahannya ‘worldview’ kepada Islam mempunyai nilai tambah, lantaran sumber dan jangkaunya adalah luas dan menyeluruh. Tuntasnya, pandangan alam Islam merupakan sehimpunan konsep dasar (*basic concept*) yang berguna untuk melihat berbagai objek kajian. Lihat Hamid Fahmy Zarkasyi, “Pandangan alam Islam sebagai kerangka,” dlm. *Adab dan peradaban: Karya peng’ tirafan untuk Syed Muhammad Naquib al-Attas* ed. Mohd Zaidi Ismail & Wan Suhaimi Wan Abdullah (Petaling Jaya: MPH Group Publishing, 2012), 134-139.

mendiagnosis dan memerihalkan pancaroba hidup adalah keprihatinan eksistensialisme.⁷

Dakwa Kierkegaard, seluruh sejarah pemikiran sebelumnya bertumpu kepada fokus perhatian yang salah. Sejak era Yunani klasik, falsafah lebih meraikan kerangka metafizik dan taakulan serta pengalaman manusia berhubung kesedaran tentang alam ini. Tiada sistem yang mengambil kira kedudukan insan yang mendasar, sedangkan manusia sentiasa berdilema dalam membuat keputusan dalam hidupnya.⁸ Dalam kesibukan membicarakan idea kebenaran dan kejadian alam yang semakin kompleks, dunia falsafah berkembang dengan menyisihkan kepentingan diri manusia itu sendiri. Namun, melalui Kierkegaard dan Nietzsche subjek falsafah mula bertumpu kepada pengalaman manusia. Pengalaman wujud manusia di dunia ini sebagai makna kehidupan dan pencarian makna diri mula menjadi keutamaan para eksistensialis.⁹

Tema Utama Eksitensialisme

Berdasarkan pengamatan, berikut ditemukan beberapa premis utama eksistensialisme yang turut mempengaruhi perspektif epistemologi, ontologi dan aksiologinya:

Kewujudan Manusia Mendahului Inti Pati Dirinya

Menurut eksistensialisme, manusia adalah satu-satunya wujud yang tunggal. Kalimah ‘wujud’ hanya terpakai ke atas manusia, manakala selainnya disebut ‘kejadian’ (*ka'in*) biasa. Analisis terhadap posisi manusia menyingkap makna keberadaannya sebagai wujud yang mendahului inti pati dirinya. Tatkala sesuatu maujud itu wujud, maka serentak itu juga kewujudannya merupakan hakikat bagi dirinya. Inti pati yang menerasi dirinya beridentik dengan kewujudannya itu sendiri di alam realiti. Manusia yang maujud itu sekaligus adalah ‘wujud’ dan ‘inti pati’ dirinya yang hakiki. Kewujudan diri itu tidak memiliki ‘inti pati’ berasingan selain perihal kewujudannya. Dalam wujud seseorang itu terkandung makna kebebasan yang mutlak. Seseorang individu berkebolehan

⁷ Harold Titus, *Living Issues in Philosophy* (Belmont: Wadsworth Publishing, 1995), 326.

⁸ Philip Stokes, *Philosophy: The world greatest thinkers* (London: Arcturus Publishing, 2011), 129 & 130.

⁹ Paul Kleinman, *Philosophy 101* (Avon: Adams Media, 2013), 23.

‘mencipta’ dirinya secara bebas menurut manifestasi wujudnya yang total.¹⁰

Eksistensialisme mengutamakan keunikan dan keunggulan “wujud” iaitu pengalaman kesedaran diri yang berbentuk dalaman. Tuntutan paling utama adalah keinginan untuk wujud dan dikenali sebagai seorang individu. Jika diri ini dikenali, ia dapat merasakan kehidupannya lebih bermakna. Hakikat keberadaan adalah kewujudan yang terdapat dalam diri “*I*” (saya manusia), bukannya diri “*it*” (ia benda). Justeru, paksi pemikiran dan makna adalah individu si pemikir yang sedia wujud.

Eksistensialis membezakan ‘kewujudan’ dengan ‘inti pati’. Kewujudan bererti keadaan sebenar, berlaku di dalam ruang dan masa atau merujuk kepada “sesuatu yang dikurniakan sini dan kini”. Ia digunakan dalam erti kata diri individu diperkenankan untuk wujud atau hidup. Kata kerja ‘untuk wujud’ (*to exist*) lebih positif dan bermakna berbanding kata kerja ‘untuk hidup’ (*to live*). Adakalanya, diungkapkan kepada mereka yang menjalani kehidupan yang membosankan dan tidak bermakna sebagai “mereka tidak hidup tetapi mereka hanya wujud”. ‘Kewujudan’ bererti kehidupan yang sempurna, bertenaga, penuh kesedaran, bertanggungjawab dan berkembang maju.

‘Inti pati’ bererti “apa yang membezakan sesuatu itu dengan objek-objek lain”. Ia adalah menjadikan sesuatu itu sebagaimana ia seadanya. Terdapat perbezaan antara “apakah hakikat sesuatu itu” (*what a thing is*) dengan “itu adalah sesuatu itu” (*that it is*). “Hakikat sesuatu itu” dinamakan sebagai ‘inti pati’nya, manakala “itu adalah sesuatu itu” pula merupakan ‘wujud’nya. Contohnya, sesuatu yang dipegang di tangan sebagai ‘inti pati’ adalah sebatang pensil, manakala pensil itu menurut apa yang terbukti melalui tanggapan deria adalah ‘wujud’nya. Jika dapat difahami konsep ‘inti pati’ tersebut, maka dapat difikirkan pula tentang ‘wujud’nya.

Menurut Satre, “kedahuluan wujud berbanding inti pati” bermakna, jika diambil pisau kertas contohnya, dapat diketahui bahawa ia telah dihasilkan oleh seseorang yang terlebih dahulu telah mengkonsepsikan gambaran pisau itu dalam fikirannya. Justeru,

¹⁰ `Abd al-Mun`im al-Hafni, *al-Mu`jam al-Falsafi* (Kaherah: al-Dar al-Sharqiyah, 1990), 379 & 380.

sebelum ia dihasilkan, pisau kertas itu sudah dibayangkan mempunyai tujuan atau matlamat tertentu di sebalik penghasilannya, juga dibayangkan sebagai produk melalui proses tertentu. Inti pati pisau itu mendahului kewujudannya, namun berbeza dengan manusia, yang mana terhasil inti pati baginya hanya setelah ia mewujud.¹¹

Pemaknaan Wujud Melalui Pengalaman Subjektif Manusia

Eksistensialisme memberikan penekanan baru kepada aspek dalaman diri dan pengalaman manusia, sekaligus kesedarannya yang subjektif. Tiada pengetahuan yang terpisah berasingan dengan subjek yang diketahui atau ditanggapi itu. Kehidupan dalaman seseorang berserta perasaan, kebimbangan dan keputusan pilihannya adalah pusat perhatian yang utama. Fahaman ini menolak objektiviti sebagaimana kandungan sains moden dan kehidupan sosial masyarakat industri Barat yang mendorong pengabaian terhadap manusia berbanding perkara-perkara lain. Kehidupan, umumnya dan manusia, khususnya sering ditafsirkan secara objektif sehingga kehidupan menjadi kosong dan tidak bermakna. Sebaliknya, ia memberi tumpuan kepada kehidupan dalaman tanpa gentar kepada penilaian kendiri. Ia juga turut menentang sebarang percubaan yang menghalang keunikan pengalaman yang bersifat subjektif.

Hakikat kebenaran diperturunkan melalui pengalaman hidup dan dapat dirasai secara subjektif. Hakikat kejadian dan nasib manusia tidak dapat dijelaskan melalui konsep yang abstrak. Pendekatan rasional berbicara melalui prinsip yang umum dan universal di mana manusia dilibatkan dalam suatu kesatuan atau sistem. Namun, eksistensialis menekankan aspek pengalaman manusia dan mendekatinya secara lebih peribadi sehingga ekspresi sastera dan seni lebih mendapat perhatian dalam menyuarakan gambaran perasaan dengan lebih jelas.¹²

Menurut eksistensialisme, sains dan metafizik tidak mampu memberi petunjuk tentang makna atau nilai, sekalipun ia dapat menerangkan kejadian alam yang sedang berlangsung. Kegagalan manusia menemukan makna dan nilai tersebut bererti mereka tidak mampu memahami hakikat dunia ini. Akibatnya, manusia sukar

¹¹ Harold Titus, *Living issues in Philosophy*, 327.

¹² Harold Titus, *Living issues in Philosophy*, 327 & 328.

membuat keputusan dan melakukan pilihan berdasarkan alasan yang munasabah.¹³ Soren Kierkegaard antaranya mula menyedari tentang kekeliruan dan keresahan jiwa manusia tatkala berpilihan bebas membuat keputusan di dunia yang dianggap tidak bermakna. Beliau dan Nietzsche cuba mengkaji bagaimana pilihan bebas manusia dapat menafsirkan makna dan hakikat kewujudan manusia.¹⁴

Sebagai cabang falsafah yang menekankan makna bagi kewujudan insan dan responsnya terhadap kehidupan, maka eksistensialisme memfokuskan cara manusia bertindak balas dengan dunia. Jika kebanyakan falsafah lain meninjau perkaitan objek luaran dengan minda dalaman manusia dalam keadaan keduaduanya saling terpisah, maka eksistensialisme pula membabitkan diri individu dalam proses interaksinya dengan dunia sebagai titik bicara. Disebabkan keperluan berurusan dengan komponen alam ini, maka manusia berusaha memahami kesignifikan segala benda tersebut dengan kehidupan. Seseorang yang ingin menggunakan tukul besi misalnya, akan spontan mencapainya tanpa perlu berfikir tentang ‘diri’ tukul itu. Ketika itu, minda si pengguna berhubung langsung dengan aktiviti penukulan dalam bentuk ‘sedia digunakan’ (*ready-to-hand*) menurut istilah Heidegger.¹⁵

Heidegger mereka cipta ‘watak makhluk’ andaian iaitu *Dasein* sebagai konsep asas dari perspektif seseorang yang memandang dunia. Ia bererti ‘wujud’ atau ‘hadir’ dalam Bahasa Jerman, dan mungkin lebih tepat adalah “berada di situ”. Apa yang cuba dikatakan olehnya adalah bahawa kita telah melupakan aspek “keberadaan yang sebenar” atau “sesuatu yang benar-benar ada”, iaitu diri kita sendiri dan objek-objek, lantas hanya melihat segala sesuatu tentang apa yang dilakukan olehnya. Tukul besi misalnya, hanya difikirkan tentang keupayaannya yang berguna untuk mengetuk paku tanpa terlintas untuk difikirkan tentang ‘keberadaannya yang benar-benar wujud di situ’. Demikianlah sayugianya perspektif ini perlu diperluaskan kepada segala yang lain termasuk diri kita sendiri.¹⁶

Jika Kierkegaard menyediakan ‘tapak’ asas bagi eksistensialisme, maka Heidegger pula ‘menanam benih’nya.

¹³ Paul Kleinman, *Philosophy 101*, 25 & 26.

¹⁴ Marcus Weeks, *Philosophy in Minutes* (London: Quercus Editions, 2014), 294.

¹⁵ Mel Thompson, *Teach Yourself Philosophy*, 184 & 185.

¹⁶ Daniel Tatarsky, *Cool Philosophy* (London: Pavilion, 2015), 94 & 95.

Heidegger memperkenalkan apa yang dinamakan sebagai *Dasein* iaitu ‘berada-di sana’ (*being-there*) atau ‘kejadian yang mana kita sendiri mengada’ (*being that we ourselves are*). *Dasein* adalah suatu entiti yang ‘sedar-diri’ (*self-conscious*) terhadap had keupayaannya. Ia tahu bahawa dirinya terbatas, mempunyai tempoh ajal dan pasti menemui nasib yang malang. Keinsafan ini mencetuskan kegelisahan dan ketakutan, namun inilah teras yang memberi makna kehidupan. Hanya melalui kewaspadaan yang memuncak terhadap keterbatasan hidupnya, maka seseorang itu dapat hidup secara sah dan terarah. ‘Insaf-diri’ (*self-awareness*) dapat mengupayakan manusia untuk ‘mencipta’ kehidupan dalam menghadapi ketakutan dan kematian dengan bersandarkan pilihan dan hala tuju yang ditentukan sendiri olehnya. Berbeza dengan Kierkegaard yang melihat ‘penemuan’ diri seseorang insan melalui Tuhan, Heidegger sebaliknya berpandangan bahawa Tuhan tidak relevan dalam kamus falsafah. Memadai dengan kadar pengetahuan tertentu tentang kepastian mati, ia dapat memberi hala tuju kepada kehidupan.

Heidegger meninjau soalan metafizik tentang apa yang dimaksudkan dengan “menjadi ada” (*being*). Baginya, “*Being*” bermakna “mengetahui objek lain”. Beliau percaya cara terbaik untuk memahami “*Being*” ialah dengan melihat sesuatu dari dalam dan menyoal siasat diri kita sendiri. Oleh itu, beliau menyimpulkan bahawa ‘kejadian’ itu adalah kita yang dirujuk sebagai *Dasein* atau “ada di situ”. Ini adalah Kejadian yang sedang bertanyakan dirinya sendiri tentang apakah itu Kejadian. Justeru, *Dasein* adalah suatu Kejadian pentafsiran kendiri, manakala tafsiran kendiri itu adalah kewujudan itu sendiri. Heidegger menyimpulkan bahawa kejadian *Dasein* itu adalah masa. Walaupun ia bakal lenyap binasa, namun *Dasein* tetap berlangsung dari kelahiran sehingga kematian. Ia tetap terlibat dengan dunia ini melalui tradisi dan sejarah.¹⁷

Motif utama eksistensialisme termuat dalam karya Heidegger, *Being and Time* berhubung: kewujudan yang ‘ada di situ’ (*being there*), kepentingan individu, tumpuan terhadap keimbangan, kematian dan nihilis (penolakan prinsip moral dan agama), penegasan terhadap kegagalan sains dalam menyediakan kerangka memahami insan dan peri pentingnya kehidupan yang hakiki dalam memanifestasikan diri seseorang melalui kebebasan

¹⁷ Paul Kleinman, *Philosophy 101*, 213-215.

memilih. Eksistensialisme menekankan kepentingan individu insan dalam mentakrifkan dirinya. Kewujudan seseorang lebih utama berbanding tabiat asas yang mendasari dirinya. Tindakan individu mentakrifkan diri insan sebagai berpilihan bebas. Inti pati yang menerasi diri seseorang terbit daripada kewujudan dirinya.

Heidegger membezakan bentuk kehidupan yang sebenar dengan sebaliknya. Kehidupan sebenar dibina menurut makna dan pilihan insan itu sendiri. Tatkala *Dasein* dilanda kerisauan sehingga dunia kelihatan gersang tanpa sebarang makna, manakala saat kematian tidak dapat dielakkan, maka ia perlu bebas merdeka menjadi dirinya yang sejati. Ironinya, kematian yang pasti menjelma akan membebaskan insan untuk mencipta makna bagi kehidupannya ibarat penawar yang menjadikannya kekal abadi. Keterbatasan hidup mengurniakan matlamat kehidupan. Bayangan kematian mendesak insan memilih haluannya sendiri.¹⁸

Menurut Sartre, tabiat ‘kejadian untuk diri sendiri’ (*being for-itself*) berbeza dengan ‘kejadian dalam diri sendiri’ (*being in-itself*). Kategori ‘kejadian dalam diri sendiri’ ialah kejadian yang tidak berkesedaran. Ia wujud secara fenomena sebagai objek yang dapat dicerap oleh manusia. Tumbuhan, haiwan dan batu misalnya, wujud dalam dirinya sendiri tanpa berupaya menjadikan dirinya sebagai objek cerapan bagi dirinya sendiri. Ia sendiri tidak tahu bahawa ia wujud. Sebaliknya, kategori ‘kejadian untuk diri sendiri’ merujuk kepada manusia yang mendapat kebebasan dirinya melalui interaksi perhubungan dengan alam sekelilingnya. Ia menidakkan dunia di sekelilingnya dan memperakui dirinya sebagai bukan objek. ‘Kejadian untuk diri sendiri’ berkedudukan lebih dominan apabila ‘kejadian dalam diri sendiri’ yang tidak berbahasa dan tidak bermakna itu diberi nama dan makna kepadanya. ‘Kejadian dalam diri sendiri’ juga tunduk kepada olahan tadbir ‘kejadian untuk diri sendiri’ iaitu manusia menurut perancangannya. Melalui ‘kuasa’ kesedaran, alam kejadian ini menjadi bermakna sebagai objek bagi manusia. Manusialah yang memberi makna kepada kewujudan.¹⁹

¹⁸ Anne Rooney, *The Story of Philosophy* (London: Arcturus Publishing, 2013), 72-75.

¹⁹ Eugene Kelly, *The Basics of Western Philosophy* (New York: Humanity Books, 2007), 269 & 270.

Kesebatian Wujud Manusia dengan Kerangka Masa

Dakwa Heidegger, kewujudan manusia dimaknakan dengan masa. Pengalaman lalu dan harapan mendatang menentukan siapa dirinya dan apa yang dilakukan olehnya. Amat janggal betapa kepastian bagi kematian membebaskan manusia untuk hidup semahunnya. Ini kerana jika manusia menemui penawar yang menyebabkan hayatnya berpanjangan kekal abadi, nescaya cita-citanya tidak lagi menjadi suatu keperluan, lantaran luasnya kelapangan masa yang amat lumayan. Kesempatan masa yang tidak terbatas bakal melenyapkan cita-cita dan prioriti dalam kehidupan. Jelas bahawa keterbatasan masa menjadikan hidup ini mempunyai sasaran tujuan sebagaimana kebinasaan atau kematian mendorong insan untuk bebas memilih.²⁰

Menurut Heidegger, kewujudan manusia mampu dicerap dan diselidiki sebagai sebahagian fenomena alam kerana manusia menyedari tentang kewujudannya itu. Ia adalah suatu ‘objek’ yang dialami dalam pengalaman manusia, lantas kejadian diri manusia pasti terjadi dalam ruang tertentu. Ia juga wujud dan tidak boleh dipisahkan dari kerangka masa tertentu. Berdasarkan pengalaman manusia bahawa kewujudannya mempunyai masa lalu, kini dan mendatang, maka kejadian wujud tersebut adalah masa itu sendiri. Hidup masa telah dirangka oleh masa yang bermula sejak kelahiran sehingga kematianya. Kedatangan manusia ke dalam wujud ini disertai kesedaran tentang kewujudannya yang berpenghujung. Tanpa matlamat kehidupan yang pasti, kehidupan manusia bakal menemui kehampaan yang tidak bermakna. Justeru, manusia bertanggungjawab mencari matlamat hidupnya sendiri. Kesedaran tentang ajal yang bakal menjelang tiba membantu manusia memahami erti kewujudan.²¹

Tegas Heidegger, makna kemenjadian manusia mesti diikat kukuh dengan masa. Manusia adalah suatu kejadian yang bertempoh. Apabila seseorang itu lahir, ia mendapat dirinya telah tercampak ke dalam dunia tanpa sebarang pilihan. Kemunculan manusia dilatari sejarah tertentu, manakala kematian adalah ufuk sempadan terakhir bagi kejadiannya. Segenap urusan yang mampu difikir dan dilakukan oleh manusia hanya mengambil tempat dalam lingkungan garis masa tersebut. Persoalan falsafah yang kompleks

²⁰ Anne Rooney, *The Story of Philosophy*, 73 & 74.

²¹ Marcus Weeks, *Philosophy in Minutes*, 300.

dan abstrak cuba disingkap secara konkret melalui pengalaman langsung yang dialaminya. Demikianlah ruang lingkup mutlak dan muktamad bagi hidup manusia.²²

Heidegger menganalisis kewujudan manusia dan temponya itu. Melalui kaedah fenomenologi gurunya, Edmund Husserl (1858-1938),²³ ia menyiasat struktur asas bagi kewujudan manusia. Diandaikan bahawa bentuk perkaitan manusia dengan ruang dan masa berhubung kewujudannya adalah berbeza berbanding bentuk kewujudan segala yang lain. Manusia adalah kewujudan yang ‘tercampak’ ke dunia, lantas ia tidak terikat dengan sebarang tatacara tertentu. Setiap ketika dan dalam sebarang keputusan, ia perlu membuat apa sahaja menurut kemahuannya. Heidegger menamakan "kewujudan" tersebut sebagai "ambil berat", lantaran kewujudan merupakan “kejadian yang mengambil berat kejadian dirinya”. Melalui kewujudan manusia yang bertempoh, makluman tentang kematian jelas kelihatan. Kewujudan adalah satu "kejadian yang menuju kematian". Tanpa detik kematian yang pasti menjelang, nescaya tiada risiko atau implikasi dalam urusan membuat keputusan dalam hidup.²⁴

Kebebasan Individu Bertunjangkan Kerelatifan Nilai

Di antara idea utama eksistensialisme adalah makna hidup dan penemuan diri sendiri, hanya dapat dicapai melalui kehendak bebas, pilihan dan tanggungjawab peribadi. Eksistensialisme menangani persoalan makna kewujudan manusia. Manusia dianggap ‘terbuang’ ke alam ini, lantas ia wujud di dunia ini. Seseorang individu mampu berfikir dan bertindak bebas dalam hidupnya. Nilai dan tujuan hidup ini ditentukan melalui kesedaran diri individu itu sendiri.

Eksistensialis percaya bahawa manusia memiliki kehendak yang bebas. Potensi berkehendak bebas bererti hidup dengan

²² Will Buckingham, *The Philosophy book* (London: Dorling Kindersley, 2011), 254.

²³ Menurut Edmund Husserl, metode falsafah analitikal menjurus ke arah dapatkan pengetahuan berhubung hakikat mutlak yang bersandar kepada kesedaran tersendiri terhadap sesuatu subjek. Lihat Majma` al-Lughah al-'Arabiyyah, 127. Falsafah fenomenologi lebih mengutamakan pengalaman subjektif sebagai sumber induk bagi semua pengetahuan manusia tentang fenomena objektif. Kajian fenomenologi didasarkan di atas premis bahawa realiti terdiri daripada objek dan penampakan kajian (fenomena) yang dicerap dan dimengertikan oleh kesedaran.

²⁴ Christoph Delius, *The Story of Philosophy from Antiquity to the Present* (Cologne: Konemann, 2000), 99.

mempunyai pilihan. Struktur dan nilai masyarakat tidak mempunyai kawalan ke atas seseorang. Pilihan peribadi adalah unik bagi setiap individu menurut pandangan, kepercayaan dan pengalaman masing-masing, bukan menurut masyarakat atau kuasa luaran. Berdasarkan pilihan ini, manusia mula menyingkap identiti mereka.

Konsep tanggungjawab peribadi ialah komponen utama eksistensialisme. Segalanya terpulang kepada individu untuk membuat keputusan berdasarkan kerelaan tanpa sebarang tekanan. Oleh sebab manusia telah ‘terhumban’ ke alam ini, terdapat ‘daerah’ yang tidak difahami berhubung kewujudannya. Kebebasan manusia bererti masa depannya serba tidak menentu. Kehidupannya ditentukan oleh pilihan yang dilakukan. Manusia percaya ia memahami alam sekeliling, lantas krisis yang timbul bakal diuji melalui pengalaman yang menuntut penilaian semula aspek tertentu dalam hidup ini. Cara tunggal untuk mendapatkan makna dan nilai adalah dengan membuat pilihan dan menggalas tanggungjawab.²⁵

Penekanan terhadap kewujudan peribadi dan subjektiviti telah membawa kepada penekanan baru terhadap kebebasan dan tanggungjawab peribadi. Eksistensialisme lebih menumpukan peribadi individu berserta pilihan dan keputusannya, bukan kepada kemanusiaan secara umum atau institusi dan pencapaian manusia. Ia adalah suatu penegasan terhadap keutamaan wujud peribadi individu dan keputusannya. Kebebasan bukan sesuatu yang boleh dibuktikan atau diperdebatkan, bahkan ia adalah realiti yang perlu dicuba dan dialami. Manusia mampu mencapai kebebasan yang lumayan jika ia dapat menguasainya. Hakikatnya, kebebasan menangani tuntutan dalaman dan menyerlahkan jati diri seseorang. Kebebasan juga menghadapi pilihan, membuat keputusan dan bertanggungjawab terhadap manusia.²⁶

Dakwa Kierkegaard, seluruh sejarah pemikiran telah melakukan kesilapan dalam haluannya. Sejak era Yunani, falsafah lebih bertumpu kepada skema metafizik dan meraikan taakulan serta pengalaman dalam rangka memahami dunia. Tiada satupun sistem pemikiran yang menghiraukan kedudukan manusia yang mendasar. Manusia sentiasa perlu membuat keputusan. Pilihan adalah titik mula, pendamping dan beban yang dipikul sepanjang

²⁵ Paul Kleinman, *Philosophy 101*, 24 & 25.

²⁶ Harold Titus, *Living Issues in Philosophy*, 328.

hidupnya. Isu utama yang perlu dijelaskan ialah “apa yang perlu dilakukan”, bukan “apa yang perlu diketahui”.²⁷

Menurut Kierkegaard, kewujudan insan sebagai individu adalah fokus utama falsafah. Manusia bebas menentukan ‘siapa’ dirinya sendiri. Pilihan ini adalah inti pati kebebasannya. Merasa sedar tentang kewujudan dan kebebasan ini merupakan suatu cabaran, namun kegagalan untuk menyedari tentang diri sendiri dan keupayaannya untuk bebas bakal mengakibatkan rasa putus harap atau kehampaan.²⁸

Sebagai eksistensialis terawal, Kierkegaard menegaskan bahawa keputusan dalam hidup ini berbentuk kekhususan individu, bukan berupa aturan moral yang universal. Melalui konflik dalam yang bercampur-aduk dengan kesengsaraan dan keresahan jiwa, manusia tetap perlu bersikap radikal dan bebas menentukan perwatakan diri dan kesudahan nasibnya. Heidegger, Jaspers dan Sartre berikutnya turut menapakkan identiti individu manusia secara konkret dan ekslusif serta menolak pemakaian generalisasi universal dalam ukuran moral. Manusia berhak mencipta nilai etika tersendiri tanpa perlu menurut peraturan wahyu atau masyarakat.²⁹

Dalam analoginya, Sartre mengisahkan dilema seorang pemuda dalam membuat keputusan berkaitan nilai moral. Antara pilihan menyertai tentera pembebasan Perancis demi cintakan tanah air dengan memelihara ibunya yang keseorangan di rumah, tiada teori moral yang dapat memberikan panduan nilai kepadanya, dakwa Sartre. Undang-undang moral universal tidak dapat diaplikasikan dalam situasi unik sebegini. Satu-satunya penyelesaian dalam konflik jiwa ini hanya dengan cara merenung ke dalam dirinya secara mendalam dan memilih sendiri tindakan yang lebih berpengaruh. Dia mesti mencipta nilai bagi dirinya dengan memilih tindakan tertentu. Nilai tidak sedia wujud dengan sendiri, bahkan hanya muncul secara fenomena atau serempakan peristiwa ketika sesuatu keputusan ingin dibuat. Idea Sartre ini dikritik sebagai 'ketidakwarasan' eksistensialisme, lantaran ia lebih mencenderungi bisikan dalaman seseorang tanpa penelitian terhadap nilai objektif. Bahkan, keputusan yang dimuktamadkan

²⁷ Philip Stokes, *Philosophy: The World Greatest Thinkers*, 129 & 130.

²⁸ Stephen Trombley, *A History of Western Thought* (London: Atlantic Books, 2011), 155.

²⁹ David Papineau, *Western Philosophy* (London: Duncan Baird Publishers, 2004), 154 & 155.

hanya diberikan alasan berdasarkan pilihan seseorang tanpa jaminan tentang kebenarannya.³⁰

Pembebasan Matlamat Hidup dari Kawalan Metafizik

Umumnya, eksistensialisme biasa dikaitkan dengan ateisme sekalipun terdapat kalangan aktivisnya merupakan pengikut Kristian dan Yahudi. Namun, ini tidak bermakna semua ateis adalah eksistensialis, dan bukan semestinya seseorang eksistensialis adalah ateis. Fahaman ini bukan bermaksud membuktikan kewujudan Tuhan atau sebaliknya, bahkan agama itu sendiri dicurigai oleh kalangan eksistensialis. Ia menyarankan agar manusia menemukan makna dan tujuan hidup dalam diri mereka sendiri. Ini gagal dicapai jika manusia mempercayai kuasa luaran yang mengawal urusan mereka.³¹ Dakwa Sartre, jika Tuhan diandaikan wujud sekalipun, kewujudannya itu tidak mengubah apa-apa. Tuhan tidak diminta bertanggung jawab dan tidak terlibat dalam keputusan yang diambil oleh manusia. Walaupun eksistensialisme berusaha menyorot hakikat wujud manusia seadanya tanpa motif merumuskan faham ateisme, namun tidak dinafikan eksistensialisme adalah lanjutan kesinambungan bagi sisi pandang ateisme.³²

Bagi Sartre, manusia adalah bebas. Berbeza dengan pisau lipat umpamanya, manusia tidak dicipta demi tugas tertentu. Sartre tidak mempercayai wujudnya Tuhan yang dapat mencipta manusia, lantas menolak idea bahawa Tuhan mempunyai tujuan bagi manusia. Pisau lipat telah direka untuk memotong. Inilah inti pati baginya yang menjadikan ia seperti seadanya. Sebaliknya, penciptaan manusia tidak mempunyai sebarang tujuan, lantas ia tidak mempunyai inti pati. Manusia hadir di dunia tanpa sebarang alasan. Tiada tatacara tertentu untuk menjadikan kita manusia. Manusia boleh memilih apa yang mahu dilakukan tanpa keputusan sesiapa.³³

Bagi eksistensialis, kehidupan tidak mempunyai sebarang makna sehingga manusia memberikan makna baginya dengan membuat pilihan. Kelak, kematian akan menjelang tiba untuk meragut semula makna yang telah diberikan itu. Tiada makna bagi

³⁰ Eugene Kelly, *The Basics of Western Philosophy*, 271-272.

³¹ Paul Keinman, *Philosophy 101*, 23-26.

³² Fuad Hassan, *Berkenalan dengan Existensialisme* (Jakarta: Pustaka Jaya, 1973), 95.

³³ Nigel Warburton, *A Little History of Philosophy* (New Haven & London: Yale University Press, 2011), 197 & 198.

kewujudan manusia melainkan apa yang dicipta melalui pilihannya. Albert Camus menganalogikan mitos Yunani, Sisyphus sebagai gambaran kebebalan manusia. Akibat berbohong kepada ‘dewa-dewa’, maka Sisyphus dihukum untuk menggulingkan sebuah batu besar ke puncak gunung. Apabila ia sampai ke puncak tersebut, batu tersebut berguling ke bawah sehingga ia perlu menolaknya semula dari bawah. Beliau terpaksa melakukannya berulang kali buat selama-lamanya. Demikianlah kehidupan manusia sebagaimana tugas Sisyphus yang amat tidak bermakna. Tiada jawapan yang dapat menjelaskan segala-galanya. Namun, menurut Camus manusia tidak harus berputus asa sehingga perlu membunuh diri. Sebaliknya, Sisyphus bergembira lantaran terdapat sesuatu di sebalik kesungguhan yang kelihatan sia-sia tersebut yang membuat hidupnya berharga. Sekurang-kurangnya, ia masih lebih baik berbanding kematian.³⁴

Tema utama eksistensialis adalah dakwaan bahawa ‘kewujudan mendahului inti pati’. Sartre berpandangan bahawa pada asalnya manusia wujud tanpa sebarang erti dan tujuan, mendapati dirinya hadir ke dunia dan hanya kemudiannya ia mentakrifkan makna kehidupan yang dibentuk melalui reaksi terhadap pengalamannya. Pandangan ini berkontradik dengan pandangan Aristotle bahawa manusia dicipta demi memenuhi tujuan atau matlamat yang tersedia. Sebaliknya, Sartre berpendapat bahawa lantaran tiada Tuhan yang merangka tujuan hidup bagi manusia, maka terpulang kepada individu untuk memilih bentuk kehidupan yang difikirkan terbaik. Hujah Sartre ini tidak merujuk kepada fahaman ateisme beliau dalam membicarakan isu kewujudan. Bahkan menurutnya, kepercayaan kepada Tuhan adalah urusan peribadi yang melibatkan pilihan dalam kehidupan. Baginya, kepercayaan bertuhan tidak boleh dipaksa ke atas seseorang. Apa yang lebih mendasar dalam falsafah Sartre ialah manusia tidak pernah dipaksa. Manusia sentiasa berdilema membuat pilihan di persimpangan kehidupan tanpa terkecuali untuk membuat sebarang keputusan. Tegasnya, kebebasan radikal manusia ini mempunyai kesan yang besar. Ia bertanggungjawab ke atas segala perbuatan. Seseorang tidak boleh membuat alasan atau menafikan tanggung jawab dalam melakukan sesuatu tindakan. Manusia terpaksa memikul tiga beban berikut:

³⁴ Nigel Warburton, *A little History of Philosophy*, 200 & 201.

1. 'Kesengsaraan' (*anguish*) yang timbul daripada kesedaran terhadap beban berat itu. Tindakan yang dipilih itu bukan sahaja memberi kesan kepada pelakunya tetapi juga merisikokan kedudukannya sebagai ikutan kepada sekalian manusia.
2. 'Penyingkiran' (*abandonment*) manusia oleh Tuhan – seolah-olah – ia diabaikan dan tidak dipedulikan tanpa bantuan atau bimbingan dalam persoalan moral. Bahkan, manusia perlu mengusahakannya sendirian.
3. 'Putus asa' (*despair*): manusia perlu bertindak tanpa menaruh sebarang harapan dalam mempercayai berlakunya perubahan ke arah yang terbaik.

Idea Sartre ini kelihatan membebangkan, namun – didakwa – gagal untuk dihindari. Manusia ‘dihukum’ untuk bebas. Beliau menyangkal bahawa fahaman ini merupakan suatu bentuk pesimis, bahkan sebaliknya, ia memaparkan kekentalan optimisme betapa nasib manusia terletak dalam dirinya sendiri.³⁵

Kesimpulannya, di sebalikuraian yang berbeza-beza dalam kalangan eksistensialis berhubung kewujudan insan, mereka tetap mendukung tema utama berikut:

1. Insan tidak mempunyai sebarang tujuan yang ditetapkan untuk dirinya oleh Tuhan atau alam semula jadi; terpulang kepada seseorang untuk menentukan identiti diri melalui tindakannya sendirian. Menurut Sartre, ‘kewujudan insan mendahului inti patinya’. Manusia wujud terlebih dahulu – dengan tercampak ke dunia tanpa kerelaan –, kemudian terpulang kepadanya untuk menentukan wataknya sendiri melalui bentuk kehidupan yang dilalui dalam perjalanan hidup ini. Justeru, hakikat insan dipilih sendiri olehnya tanpa ditentukan oleh sebarang pihak lain.
2. Insan bebas memutuskan nasibnya sendiri dan bertanggungjawab terhadap apa yang dilakukan dalam hidupnya. Seseorang itu mempunyai kehendak bebas dan mampu bertindak balas terhadap apa sahaja faktor

³⁵ Philip Stokes, *Philosophy: The World Greatest Thinkers*, 200 & 201.

- sosial dan biologi yang dilihat dapat mempengaruhi keputusannya, lantas dengan itu, ia berupaya menentukan pilihannya sendiri dalam menangani faktor-faktor tersebut. Manusia bertanggungjawab penuh terhadap apa yang dilakukan dalam hidup ini.
3. Eksistensialis amat prihatin untuk mengenal pasti cara yang paling sahih dan memuaskan hidup seseorang individu. Kehidupan insan yang cenderung mengikuti cara hidup secara kolektif adalah kehidupan yang dianggap 'tidak sahih' dan tidak benar-benar miliknya sendiri. Untuk menjadi sahih, seseorang itu perlu mengambil alih kewujudannya sendiri dengan jelas dan intensiti. Transformasi tersebut dilakukan sesuai dengan pengalaman emosi yang mendalam. Pengalaman yang dilalui oleh insan akan menjadikannya lebih memahami risiko hidup ini, lantas menjadikan dirinya lebih matang dan sempurna.

Analisis Menurut al-Buti

Kalangan sarjana Islam seumpama Muhammad Sa`id Ramadan al-Buti mengemukakan respons kritis terhadap falsafah eksistensialisme menurut perspektif Pemikiran Islam, khususnya dari aspek epistemologi dan logik mantik sebagaimana berikut:

Tiada Wujud Tanpa Inti Pati Atau Hakikatnya

Jika eksistensialisme ialah ajaran falsafah, maka ia perlu berpegang kepada peletakan istilah mantik atau falsafah. Dalam konteks ini, ahli falsafah mendefinisikan inti pati (*mahiyyah*) sesuatu sebagai "apa yang dengannya tercapai kedirian (*dhatiyah*) sesuatu" dan layak diitlakkan nama baginya. Berdasarkan takrif ini, maka dakwaan bahawa "kewujudan sesuatu itu mendahului inti patinya" sukar difahami, bahkan ia melazimkan ketidaktekalan makna yang berparadoks.

Kewujudan manusia bererti bahawa inti patinya telah benar-benar terealisasi secara luaran di alam nyata. Jika diandaikan ia wujud sebelum atau tanpa kewujudan inti patinya sebagai manusia pada ketika yang sama, maka ia hanya mengandungi dua kemungkinan iaitu: i) inti pati manusia itu telah terpisah atau bercerai tanggal daripada manusia itu ketika ia wujud, atau ii) wujud

itu mempunyai makna yang terdapat di dirinya yang ada kalanya terealisasi secara luaran di alam nyata, namun ia tidak terpakai atau menyifati diri sesuatu yang bersifat wujud – seolah-olahnya, “kewujudan manusia mendahului inti patinya” bermakna kewujudan manusia ketika awal kelahiran dan kemunculannya adalah kosong tanpa hakikatnya sebagai manusia.

Selanjutnya, jika inti pati manusia tercicir dan ketinggalan ketika ia wujud di alam nyata, maka ini melazimkan bahawa fenomena perlakuan (*zawahir*) bagi inti pati manusia itu – sudah tentu – turut sama tercicir dan ketinggalan ketika manusia itu wujudan di alam nyata. Ini kerana fenomena perlakuan (*zawahir*) sesuatu itu adalah menuruti ketiadaan atau kewujudan sesuatu itu secara pelaziman yang pasti. Justeru, ini bererti “kewujudan manusia mendahului inti patinya” mengisyaratkan bahawa inti pati manusia dan fenomena perlakuannya tidak wujud ketika kemunculan manusia itu buat pertama kalinya. Bentuk kewujudan ini adalah amat janggal.

Dakwaan “kewujudan manusia mendahului inti patinya” memaknakan bahawa wujud itu sendiri mempunyai inti pati yang berasingan dan tersendiri. Juga, seolah-olah kewujudan itu ialah sesuatu yang berdiri sendiri dan tersedia untuk dipisah dan diceraitanggalkan daripada sesuatu yang maujud. Jika benar demikian, eksistensialis perlu membuktikan bahawa ‘wujud’ yang terpisah berasingan dengan ‘inti pati’nya iaitu sesuatu yang maujud itu, turut memiliki ‘inti pati’ lain selain daripada sesuatu yang maujud itu. Sebaliknya apa yang lebih pasti, kewujudan manusia setelah didahului oleh ketiadaannya memaknakan pelatarannya oleh lingkungan masa dan tempat, manakala pembebasannya daripada lingkungan masa dan tempat bererti ia kembali meniada. Justeru, kewujudan manusia yang maujud tidak mungkin terpisah daripada diri manusia itu sebagai maujud kerana wujud itu sendiri menerasi sesuatu yang berupa maujud.

Apa yang diamati di sebalik dakwaan bahawa “kewujudan manusia mendahului inti patinya”, eksistensialis cuba mengelirukan pengistilahan ‘inti pati’ sesuatu dengan menterjemahkannya sebagai ‘sifat’ yang mana pada awal kelahiran seseorang, ia terpendam sebagai ‘sifat kemanusaiaan’nya yang bakal tertonjol kemudiannya sebagai tabiat perlakuan yang membaharu menurut kebebasan pilihannya. Motif di sebalik dakwaan ini bertujuan

memutlakkan ciri kebebasan memilih pada diri manusia sebagai identitinya yang hakiki. Tuntasnya, mereka mahu agar hakikat kemanusiaan diolah mengikut konsep kebebasan, bukan konsep kebebasan itu terikat dengan hakikat kemanusiaan yang berada di luar kemampuan olahannya.³⁶

Makna Wujud Merangkumi Manusia dan Makhluk Lainnya

Makna wujud yang diistilahkan oleh ahli falsafah dan ilmuwan adalah lebih umum dan inklusif berbanding makna yang dimaksudkan oleh eksistensialis. Antara ciri utama kewujudan ialah ketundukannya kepada persoalan bila dan mana. Justeru, kewujudan sesuatu dikenali juga sebagai keberadaan sesuatu (*kaynunah al-shay'*) dalam lingkungan masa dan tempat. Dalam konteks ini, ciri wujud merangkumi manusia dan maujud lainnya tanpa sebarang perbezaan.³⁷

Namun, pengamatan terhadap eksistensialisme mendapati bahawa makna kewujudan yang dimaksudkan hanya disesuaikan dan terbatas kepada kategori wujud manusia yang dibezakan dengan wujud selainnya. Dakwa eksistensialis, perkataan ‘kewujudan’ bukan sinonim dengan perkataan ‘keberadaan’ atau ‘kejadian’ (*kaynunah*). Batu, air dan tanah umpamanya ialah ‘keberadaan’ atau ‘kejadian’, namun kesemua itu tidak wujud secara amali atau aktif di luar minda manusia, sedangkan hanya minda yang dapat menstatuskannya sebagai maujud. Kewujudan dalam erti kata sebenar bukanlah ‘perihal keadaan’ sesuatu tetapi ia merupakan ‘perbuatan’ iaitu pengalihan sesuatu ke alam realiti sebagaimana ungkapan ‘perbuatan wujud’ (*ft'l al-wujud*). Justeru, pemaknaan ‘wujud’ menurut konotasi eksistensialis ini mendorong mereka mengolah dan membataskan ciri wujud manusia – yang asalnya berkongsi dengan jamadat lainnya – kepada bentuk makna perbuatan, aplikatif dan operatif sebagai kemuliaan ekslusif bagi manusia berbanding kejadian lain.

³⁶ Muhammad Sa'id Ramadan al-Buti, *al-Madhahib al-Tawhidiyah wa al-Falsafat al-Mu'asirah* (Dimashq: Dar al-Fikr, 2008), 243-249.

³⁷ Harus difahami bahawa konteks perbahasan di sini mengambil kira persoalan falsafah (*maqulat*) secara umum. Namun, menurut perspektif Islam yang sahih khususnya akidah Ahl al-Sunnah wa al-Jama`ah, keberadaan sesuatu yang maujud dalam lingkungan masa dan tempat merupakan ciri makhluk. Ini berbeza dengan hakikat ketuhanan Allah yang tidak terikat dengan lingkungan masa dan tempat, lantaran Dialah yang mencipta masa dan tempat.

Dalam konteks ini, eksistensialis memaksudkan erti ‘kewujudan’ dalam kata-kata “kewujudan mendahului inti pati sesuatu” sebagai ‘kewujudan’ menurut istilah falsafah klasik yang menginklusifkan pengertiannya kepada segala maujud termasuk manusia. Namun melalui olahan makna ‘kewujudan’ yang baru, maka status maujud itu dicirikan dengan keaktifannya yang bukan semata-mata ‘kejadian’ yang pasif, kaku dan tidak bereaksi.³⁸ Sekali lagi, motif di sebalik perubahan makna istilah ini menjurus kepada pengukuhan asas kebebasan manusia yang mutlak, manakala makluk lainnya perlu tunduk kepada kepentingannya.

Walau betapa sangkaan manusia bahawa dirinya bebas memilih dan bertindak semahunya, namun kewujudan dan kehidupannya tetap tertakluk dalam ‘genggaman’ aturan kejadian yang ‘mengakar’ tanpa dapat lari dari ‘bayangan’nya. Kebebasan yang didakwa mutlak itu tetap berlangsung dalam ruang lingkup keterbatasannya menurut rangkaian sistem tertentu. Naluri kemanusiaannya tetap akur bahawa kelangsungan aturan alam lebih dominan berbanding tuntutan usaha ikhtiarnya yang terbatas.³⁹

Perasaan dalaman Individu Bukan Sumber Kebenaran

Fenomenologi mahu meruntuhkan sebarang struktur dan teori yang menyekat dominasi cerapan empirik manusia sebagai penyaksi fenomena atau peristiwa di alam nyata. Eksistensialisme memposisikan kewujudan manusia sebagai tema sentral falsafah. Menurut eksistensialis, hakikat itu adalah “sebarang perkara yang berhubung dan bertindak balas secara langsung dengan perasaan manusia”. Hakikat itu terbatas kepada perkara yang merujuk kepada kepentingan manusia tanpa keluar daripadanya. Menurut gambaran epistemologi, hakikat sedemikian bererti “apa yang berefleksi atau terpantul dari dalam perasaan manusia ke luar dirinya”. Ini bersalahan dengan kesimpulan epistemologikal menurut perkamusun istilah secara komprehensif bahawa ‘hakikat’

³⁸ Menurut perspektif Islam, alam jamadat yang kelihatan kaku dan pasif pada zahir ini, hakikatnya turut bertasbih kepada Allah sebagaimana pernyataan Surah al-Isra’ 7: 44 (maksudnya): “Langit yang tujuh, bumi, dan semua yang ada di dalamnya bertasbih kepada Allah; dan tidak ada sesuatupun melainkan bertasbih dengan memujiNya, tetapi kamu tidak mengerti tasbih mereka. Sesungguhnya Dia Maha Penyantun lagi Maha Pengampun”.

³⁹ Al-Buti, *al-Madhhab al-Tawhidiyyah wa al-Falsafat al-Mu’asirah*, 250-253.

merupakan “apa yang berefleksi atau terpantul dari kenyataan luaran ke dalam fikiran manusia” (*al-ilm tabi` li ma`lum*).⁴⁰

Konsep ‘hakikat’ sebegini adalah persis teras pemikiran sofisme yang mempersoalkan pandangan aliran idealisme bahawa *maujudat* yang berupa objekif letakan zahir di luar minda manusia hanyalah kesan bayangan bagi apa yang menetap secara asalan dan dalaman sesuatu itu.⁴¹ Sebagaimana sofis, eksistensialis turut menjadikan diri manusia individu sebagai ukuran piawaian bagi segala hakikat. Sebaliknya menurut logik mantik, “setiap kandungan pemikiran memiliki pemberian (*misdaq*) dalam wujud luaran minda”. Justeru, ‘hakikat’ itu adalah “apa yang difahami” (*mafhum*) secara kefahaman yang sahih.

Oleh itu, ‘hakikat’ mempunyai dua aspek yang saling berkombinasi iaitu ‘wujud luaran’ dan ‘wujud dalam minda manusia’. Tanpa salah satu daripada kedua-duanya, maka semata-mata wujudnya aspek yang satu lagi tidak dinamakan ‘hakikat’. Maka, *maujud* material di luar minda manusia sebelum ia ditanggapi oleh minda tidak dinamakan hakikat atau *mafhum* sebagaimana imaginasi yang tertera dalam minda tanpa wujud luaran di alam nyata turut tidak dinamakan hakikat atau *mafhum*. Antara kedua-dua aspek tersebut pula, wujud luaran minda manusia itu dianggap asas atau induk bagi wujud dalaman minda kerana ia telah sedia wujud terlebih dahulu, kemudian beralih sebagai tanggapan dan konsepsi minda tatkala cukup syarat-syaratnya.⁴²

⁴⁰ Maksudnya, ilmu ialah gambaran atau konsepsi yang berhasil daripada sesuatu di sisi akal fikiran. Maka sesuatu yang dimaklumi (*al-ma'lum*) bukan bererti sesuatu hasil sebelum berhasilnya gambaran konsepsinya iaitulah ilmu tersebut. Makna ilmu itu merupakan ikutan (*tabi'*) kepada apa yang dimaklumi (*al-ma'lum*) ialah bahawa ilmu tidak tertakluk kepada apa yang dimaklumi melainkan setelah ianya terjadi (atau berhasil). Inilah makna ilmu bagi manusia, manakala ilmu Allah bukan dengan makna yang dibicarakan ini.

⁴¹ Antara tokoh awal falsafah idealisme adalah Plato yang tersohor dengan analogi ‘Gua’ beliau. Menurut Plato umpamanya, apa yang ideal (*al-mithal*) itu adalah hakikat dalam minda (*al-haqiqah al-ma'kulah*) yang berdiri sendiri lagi tetap sabit tanpa sebarang perubahan, manakala kejadian cerapan inderia (*al-ka'in al-mahsus*) pula adalah partikel berjuzuk, serba banyak dan berubah-ubah. Menurutnya, kedua-dua kategori ini saling bertindan dan bersekutu, namun martabat kejadian cerapan inderia lebih rendah berbanding apa yang diidealikan oleh minda. Jamil Saliba, *Tarikh al-Falsafah al-'Arabiyyah* (Beirut: Al-Sharikah al-'Alamiyah al-Kitab, 1995), 40 & 41.

⁴² Secara konsekuensi logiknya, hubungan simbiotik yang bertimbang balas antara ‘wujud dalaman minda’ (*mafhum*) dengan ‘wujud luaran minda’ (*misdaq* atau *ma sadaq*) ini dibuktikan dalam ilmu mantik bahawa apabila “bertambah (peluasan) *mafhum*, maka semakin berkurangan (kadar) *ma sadaq*” sebagaimana apabila “berkurangan (peluasan) *mafhum*, maka semakin bertambah (kadar) *ma sadaq*”. Contohnya, apabila lafadz

Namun, prinsip ilmu ini dinafikan oleh eksistensialis yang menganggap perasaan dan reaksi dalaman manusia sebagai sumber atau punca terbitnya hakikat, bahkan ditambah pula syarat tanggapan individu perseorangan sebagai ukuran kebenaran. Lantas, ini mengimplikasikan wujudnya kebenaran yang berbilang-bilang secara relatif, subjektif dan ekslusif di sisi setiap manusia tanpa dihiraukan perihal saling bercanggahnya antara satu sama lain untuk tetap diistilahkan sebagai ‘hakikat’. Inilah gambaran gejala sofisme yang merosakkan epistemologi dan kemurnian ilmu. Pegangan eksistensialis ini melazimkan beberapa implikasi makna iaitu:

1. Tiada sebarang persoalan yang dijahili oleh manusia melainkan semua lapisan manusia mampu menanggapi dan mengetahui hakikatnya. Sebaliknya, apa yang gagal ditanggapi atau diketahui hakikatnya – seperti persoalan metafizik atau alam ghaib – tidak perlu dihiraukan atau diimani;
2. Secara psikologisnya, perasaan manusia bereaksi dengan apa yang tidak diketahui olehnya. Di sebalik kejahilan terhadap segenap maujudat yang melingkunginya, manusia tetap bereaksi dengannya seperti perasaan takut yang mengundang pelbagai sensitiviti. Kewujudan hakikat yang dijahili itu ada kalanya amat diperlukan supaya manusia dapat bertindak sesuai dengan kemaslahatan dirinya, lantaran ia bakal merisikokan sesuatu. Contohnya, di sebalik kelazatan sesuatu makanan, mungkin terdapat racun yang tersembunyi di dalamnya. Namun, keimbangan fikiran itu perlu diimbangi oleh penghasilan maklumat tertentu yang diperlukan agar kecenderungan jiwa itu terkawal, manakala panduan bertindak dapat terurus menurut neraca yang seimbang dan menyeluruh;

‘haiwan’ didefinisikan secara luas sebagai ‘jisim organik (berkembang) yang inderawi dan bergerak aktif’, maka ianya teritak secara umum dan meluas sehingga merangkumi *ma sadaq* yang terdiri daripada insan, kuda, unta dan sebagainya. Namun apabila lafadz ‘haiwan’ didefinisikan dengan pertambahan ciri (*fasi*) ‘al-natiq’ (berfikir dan bertutur) dalam *mafhumnya*, maka *ma sadaqnya* semakin mengurang, menyempit dan hanya menjurus kepada insan semata-mata. Lihat Mahy al-Din al-Safi, *Tawdih al-mantiq al-qadim* (Madinah Nasr: Matba’ah al-Fajr al-Jadid, T.th.), 35.

3. Jika perspektif ‘hakikat’ eksistensialis tersebut adalah benar, maka sayugianya mereka bersikap terbuka untuk menerima andaian kebenaran pandangan aliran fahaman selainnya. Ini kerana dakwaan bahawa ‘hakikat’ sesuatu terdapat di sisi setiap individu berdasarkan apa sahaja bentuk sensitiviti perasaan yang bereaksi dengan jiwa dalaman seseorang. Justeru, eksistensialis perlu sedia bertoleransi tanpa fanatik kepada pegangannya semata-mata. Bagi seorang Mukmin yang jiwa dalamannya bereaksi dengan hakikat ketuhanan misalnya perlu diperakui atas kebenarannya oleh eksistensialis kerana “perasaan dalaman manusia dianggap sumber kebenaran” sebagaimana dakwaan eksistensialis.⁴³

Demikianlah impian eksistensialisme berhubung kebebasan manusia dalam meraih kebahagiaan. Mengutip perakuan para tokohnya, faham eksistensialisme membayangkan keresahan yang melanda manusia pasca Perang Dunia Pertama dan Kedua. Fahaman ini dilatari kekacauan jiwa yang melanda para pelopornya, bukan berupa dapatan ilmiah yang ditemukan oleh akal fikiran. Keresahan si empunya diri – yang merisikokan kehilangan akal – tidak wajar diserukan sekalian manusia kepadanya – lantas menjerumuskan mereka yang waras dan sihat akal ke lembah derita yang sama –. Amat bebal mereka yang normal untuk memperjudikan kebahagiaan hidupnya dengan panduan nasihat mereka yang abnormal. Rasa gelisah bukanlah atas ilmiah yang kukuh bagi suatu prinsip, bahkan ia adalah penyakit jiwa yang memerlukan rawatan dan penawar.⁴⁴

Keterbatasan hayat manusia dan kewujudannya yang pasti berakhir merupakan hakikat yang dipasrahi oleh eksistensialis. Jika wujud manusia adalah berkesudahan, maka potensi kemampuannya turut berkesudahan. Hakikat keterbatasan itu sewajarnya menginsafkan sesiapa yang berakal dan mendorongnya untuk membongkar rahsia kewujudannya di alam ini – tentang siapa yang membataskan keupayaan dan kebebasan manusia serta menentukan

⁴³ Al-Buti, *al-Madhahib al-Tawhidiyah wa al-Falsafat al-Mu’asirah*, 277-283.

⁴⁴ Al-Buti, *al-Madhahib al-Tawhidiyah wa al-Falsafat al-Mu’asirah*, 241 & 242.

sebab berakhirnya kehidupan ini, lantas dengan jawapan itu manusia dapat menemukan ketenangan. Rahsia kebahagiaan manusia terletak kepada kejayaannya mengenal pasti ‘watak’ yang merencanakan kehadiran mereka ke dunia, lantas mengenal hakikat kebergantungan kepadaNya.

Ironisnya, eksistensialis terhenti setakat memperakui keterbatasan wujud manusia dan kelemahan upayanya. Sayugianya, manusia perlu menjauhi keresahan dan kegelisahan jiwa setelah menginsafi hakikat kekerdilan dirinya, lantas bersikap serius memecahkan persoalan ini melalui ajaran agama yang sahih. Sebaliknya, eksistensialis sibuk berfalsafah dan menganalisis gejala kekacauan jiwa tersebut, lantas menegaskan ianya sebagai faktor yang menerasi kewujudan manusia. Dalam erti kata lain, penderitaan jiwa manusia diakibatkan oleh sikap mereka meninggalkan kehidupan beragama, namun fahaman ini menyangka bahawa penderitaan jiwa adalah realiti kehidupan dan faktor asas dalam menyelami hakikat kebahagiaan manusia.

Lebih mengejutkan, fakta kehidupan tokoh eksistensialisme memaparkan riwayat hidup mereka yang sentiasa menghadapi konflik jiwa. Kelihatannya, mereka cuba menangani persoalan jiwa dalam keadaan hidup mereka sendiri dibayangi kekecewaan dan kehampaan. Seolah-olahnya, falsafah mereka dipengaruhi oleh pengalaman dan pancaroba hidup, bukan jalur kehidupan mereka berpandukan suatu prinsip hidup. Gejala kegelisahan jiwa ini membentuk dua pendekatan eksistensialisme dalam menangani persoalan kewujudan dan kebebasan manusia:

1. Jalur ‘bertuhan’: melihat bahawa kebebasan merupakan asas kewujudan manusia, lantas cara tunggal untuk mencapai makna kewujudannya adalah menyuburkan kebebasan tersebut secara mutlak. Namun, oleh sebab kewujudan dan keupayaan manusia terbatas, maka berlaku pertembungan antara tuntutan kebebasan yang mutlak dengan keupayaan dan kesempatan masa yang terbatas. Ini mencetuskan konflik, tekanan dan kegelisahan jiwa yang berpanjangan dalam hidup manusia.
2. Jalur ateis: melihat bahawa tekanan jiwa dan perasaan manusia dicetuskan oleh beratnya tanggung jawab

mereka dalam memikul segala perbuatan yang berasaskan ikhtiar pilihan. Jalur ini menolak panduan agama dan jiwa bertuhan sehingga tiada ukuran kebenaran dan sistem nilai yang dapat dipercayai.⁴⁵

Apa yang lebih meresahkan, acuan kemanusiaan yang diperjuangkan oleh fahaman eksistensialisme merujuk kepada nilai individu, bukan nilai kolektif dan universal. Kewujudan yang diperakui adalah berpaksikan “keakuan”, manakala selain dari diri seseorang itu sendiri berhak memandang kewujudannya masing-masing. Seolah-olahnya, seseorang yang terbentuk dengan falsafah ini menganggap manusia lain sebagai ‘gangguan ancaman’ kepada kebebasannya sebagaimana dirinya dianggap demikian kepada kebebasan manusia lain. Fahaman ini boleh menyuburkan ‘benih’ keretakan dalam kerana interaksi sosial tersebut dibina di atas dasar konflik dan prejudis. Situasi tegang sesama ahli masyarakat berdasarkan nilai individualistik ini amat bercanggah dengan naluri hidup manusia sebagai makhluk sosial.⁴⁶

Kesimpulan

Eksistensialisme ialah fahaman yang bertemakan wujud insan. Hakikat diri insan secara individu diterasi oleh kewujudannya di alam nyata. Sebelum muncul dalam hidup ini, seseorang itu dianggap tidak beridentiti, bahkan keidentikan dirinya sebagai insan hanya bermula di saat ia lahir ke dunia. Kelahiran insan secara spontan memberi peluang untuk ia mentakrifkan dirinya sendiri. Kebebasan insan dalam menentukan haluan hidupnya adalah refleksi daripada kegelisahan dan kebimbangan yang melanda jiwynya. Keterdesakan ruang hidup akibat bayang kematian menjadi asas kebebasan autonomi dirinya tanpa kongkongan sesiapa.

Manifestasi kebebasan individu menurut eksistensialisme bertolak daripada perbahasan ontologi dan metafizik dalam menafsirkan makna kewujudan manusia. Pandangan alam ini mempengaruhi aspek epistemologinya yang membataskan definisi wujud kepada kategori wujud insan yang bercirikan kesedaran diri tentang kewujudannya secara pengalaman deria dan psikologikal.

⁴⁵ Al-Buti, *al-Madhahib al-Tawhidiyah wa al-Falsafat al-Mu'asirah*, 263-271.

⁴⁶ Al-Buti, *al-Madhahib al-Tawhidiyah wa al-Falsafat al-Mu'asirah*, 256 & 257.

Berikutnya, makna wujud ini disebatikan tanpa senggang pisah dengan bingkai masa yang dilalui oleh wujud manusia dalam kehidupan. Keterbatasan masa yang disempadani saat kematian sentiasa membayangi individu insan dengan kegelisahan dan kebimbangan tanpa pilihan. Justeru, insan berhak sepenuhnya menentukan haluan dan memberikan makna kepada kehidupan yang penuh berisiko ini menurut kemahuan dirinya secara mutlak.

Demikianlah spekulasi falsafah eksistensialisme terhadap makna kehadiran insan ke dunia ini. Dalam mengharungi pancaroba kehidupan, insan cuba melepaskan dirinya daripada kendali naluri bertuhanan dan jiwa beragama. Pencarian hakikat kewujudan dengan menyisihkan panduan wahyu hanya menempah kesengsaraan dan penderitaan insan yang tidak berkesudahan. Sebaliknya, pemurnian pandangan alam berlandaskan akidah sahih dan kembali kepada hidup bersyariat – itulah solusi hakiki dalam meniti kehidupan ini menuju permusafiran abadi.

Rujukan

- ‘Abd al-Mun`im al-Hafni. *Al-Mu’jam al-falsafi*. Kaherah: Al-Dar al-Sharqiyah, 1990.
- Al-Buti, Muhammad Sa’id Ramadan. *al-Madhahib al-Tawhidiyah wa al-Falsafat al-Mu’asirah*. Dimashq: Dar al-Fikr, 2008.
- Anne Rooney. *The Story of Philosophy*. London: Arcturus Publishing, 2013.
- Barry Loewer. *30-Second Philosophies*. East Sussex: Ivy Press, 2009.
- Bassam Dawud & Fatima Mardini. *Adwa’ hawl Tayyarat Mu’asirah*. Dimashq: Dar al-‘Asma’, 2011.
- Christoph Delius. *The Story of Philosophy from Antiquity to the Present*. Cologne: Konemann, 2000.
- Daniel Tatarsky. *Cool Philosophy*. London: Pavilion, 2015.
- David Papineau. *Western Philosophy*. London: Duncan Baird Publishers, 2004.
- Eugene Kelly. *The Basics of Western Philosophy*. New York: Humanity Books, 2007.
- Fuad Hassan. *Berkenalan dengan Existensialisme*. Jakarta: Pustaka Jaya, 1973.
- Harold Titus. *Living Issues in Philosophy*. Belmont: Wadsworth Publishing, 1995.

- Jamil Saliba. *Tarikh al-Falsafah al-'Arabiyyah*. Beirut: al-Sharikah al-'Alamiyyah li al-Kitab, 1995.
- Mahy al-Din al-Safi. *Tawdih al-Mantiq al-Qadim*. Madinah Nasr: Matba`ah al-Fajr al-Jadid, T.th.
- Majma` al-Lughah al-'Arabiyyah. *al-Mu'jam al-Falsafiyy*. Kaherah: al-Hay'ah al-'Ammah li Shu'un al-Matabi` al-Amiriyyah, 1979.
- Marcus Weeks. *Philosophy in Minutes*. London: Quercus Editions, 2014.
- Mel Thompson. *Teach Yourself Philosophy*. London: Hodder & Stoughton Ltd., 2003.
- Mohd Zaidi Ismail & Wan Suhaimi Wan Abdullah. *Adab dan Peradaban: Karya Pengi'tirafan untuk Syed Muhammad Naquib al-Attas* (ed.). Petaling Jaya: MPH Group Publishing, 2012.
- Nigel Warburton. *A Little History of Philosophy*. New Haven & London: Yale University Press, 2011.
- Philip Stokes. *Philosophy: The World Greatest Thinkers*. London: Arcturus Publishing, 2011.
- Paul Kleinman. *Philosophy 101*. Avon: Adams Media, 2013.
- Stephen Trombley. *A History of Western Thought*. London: Atlantic Books, 2011.
- Tom Jackson. *Philosophy: An Illustrated History of Thought*. New York: Shelter Harbor Press, 2014.
- Will Buckingham. *The Philosophy Book*. London: Dorling Kindersley, 2011.

